

Newspaper	Berita Harian
Date	1 March 2016

**Komentari**

# Biarkan saja Dr M dengan pilihannya



**KOMENTAR**  
Anwar  
Patho Rohman

wanarwargibh.com.my

**Tindakan** Tun Dr Mahathir Mohamad keluar parti bukan baharu. Ini kali kedua beliau keluar UMNO dan kali ketiga Dr Mahathir berada di luar parti itu.

Pertama, selepas dipecat pada 26 September 1969 ketika Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden dan Perdana Menteri. Namun, beliau menyertai semula UMNO pada 7 Mac 1972 selepas dipujuk Tun Abdul Razak Hussein.

Kali kedua pada 2008 dengan alasan tidak yakin kepada kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi, Presiden UMNO dan Perdana Menteri ketika itu.

Dr Mahathir kembali menyertai UMNO pada 4 April 2009 apabila Datuk Seri Najib Razak menerajui kepimpinan negara dan parti.

Semalam, beliau memberi alasan kononnya UMNO sudah tidak wujud sebagai sebuah par-

ti, sebaliknya hanya untuk kepentingan seorang individu sahaja.

Sebagai negarawan ulung yang memegang rekod menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun, Dr Mahathir mempunyai pilihan cara karier politiknya

**“  
Tanpa UMNO,  
adakah beliau  
mampu berada  
dalam  
kedudukan  
'istimewa' dan  
'luar biasa' seperti  
yang pernah  
dicapai sebelum  
ini”**

BH - 1/3/2016  
ditamatkan.

Yang penting, beliau tidak menjadikan statusnya sebagai 'bekas ahli UMNO' untuk menyerang pula UMNO secara bebas dan sesuka hati sehingga melupakan sejarah bagaimana beliau berjaya menjadi negarawan tersohor.

Tanpa UMNO, adakah beliau mampu berada dalam kedudukan 'istimewa' dan 'luar biasa' seperti yang pernah dicapai sebelum ini?

**Dukung amalan demokrasi**  
Sebagai parti yang matang dan mendukung prinsip serta amalan demokrasi, UMNO wajar biarkan sahaja beliau dengan pilihannya walaupun pasti ramai terkilan dan kesal.

Ketika Dr Mahathir menjadi Presiden, Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn yang pernah menjadi Presiden UMNO juga keluar parti.

Apa yang diharapkan ialah kebijaksanaan rakyat, terutama ahli UMNO akar umbi untuk menilai keputusan dan tindakan parti dalam usaha memberikan kesejahteraan kepada semua.

Jangan mudah terpengaruh dan terpedaya dengan tingkah laku tokoh atau pemimpin tertentu untuk memprotes keputusan kepimpinan parti tanpa asas yang wajar.

Apa yang diharapkan, keputusan Dr Mahathir ini tidak akan diambil kesempatan oleh pihak yang cuba menanggung di air keruh untuk memporak perandakan perpaduan UMNO.

Sekarang masa bagi ahli UMNO bersatu dan mengukuhkan barisan menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) kurang dua tahun lagi.

Lawan sebenar bukan pemimpin atau ahli UMNO yang mensabotaj atau memprotes parti dalam atau luar, tetapi pembangkang dan anasir luar yang cuba menggugat kebebasan, kemerdekaan dan kedaulatan negara.